

Sara hidup: Penubuhan jawatankuasa keputusan tepat

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Penubuhan sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membincangkan pandangan orang ramai terhadap peningkatan kos sara hidup adalah wajar memandangkan isu tersebut merupakan masalah utama yang dihadapi rakyat.

Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, cadangan itu memberi peluang kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyuarakan rintihan rakyat seiring dengan polisi penglibatan awam terutama daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.

Katanya, kerajaan juga mesti bersedia untuk mempertimbangkan, menerima dan melaksanakan pandangan daripada orang ramai yang boleh dipraktikkan dalam usaha membantu mengatasi masalah tersebut.

"Rakyat mahu melihat tindakan diambil oleh kerajaan kerana peningkatan kos sara hidup memberi kesan kepada kehidupan seh-

arian dan kepada ekonomi negara termasuk tahap inflasi yang tinggi serta barangan eksport yang mahal.

"Justeru, kerajaan harus mengkaji semula strategi tertentu untuk melaksanakan perubahan dasar selepas mengambil kira pandangan orang awam yang semakin tersepit," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, semalam, berkenaan penubuhan jawatankuasa tersebut yang dijadualkan mengadakan mesyuarat pertama awal bulan hadapan.

Jawatankuasa berkenaan akan dianggotai oleh menteri dan ketua setiausaha dari enam kementerian termasuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan II, Da-

tuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL), **Samsudin Mohamad Fauzi** berkata, penubuhan jawatankuasa itu dianggap sebagai satu harapan baharu kepada NGO-NGO yang sentiasa memperjuangkan hak rakyat.

Beliau berkata, pihaknya memang telah mengumpul data tentang rungutan dan aduan rakyat berkenaan kos sara hidup yang boleh disampaikan dengan lebih efektif kepada kerajaan melalui jawatankuasa tersebut.

"Penubuhan ini merupakan keputusan tepat dan jelas dapat memberi harapan serta cahaya kepada rakyat yang terbeban dengan kos sara hidup supaya rintihan mereka dapat didengari oleh pihak atasan," katanya.